

NASKHAH PERCUMA
BILANGAN 1/2025
No.ISSN: 289-635X



PENCETUS MINDA GENERASI

EDISI أبجد MAIS

www.mais.gov.my

HAMBA ALLAH **vs** HAMBA RAMADHAN

**Solat Tarawih
Expres**

Ms 6

**Puasa Orang
Uzur**

Ms 8

**Geng Plastik
Hitam**

Ms 9

Cetusan Che Mad

Rebutlah peluang mengimarahkan bulan Ramadhan pada tahun ini dengan memperbanyakkan amal ibadat. Jadikan bulan Ramadhan ini, lebih baik dari yang lalu.

Dr. Che Mad

**Hukum Agih Zakat
Rentas Sempadan
dan Zakat Fitrah**

Ms 17

TAHNIAH DAN SELAMAT DATANG

Kepada **Pengerusi MAIS**

**YAD SENATOR DATO' SETIA
HAJI SALEHUDDIN BIN SAIDIN**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan penuh sukacitanya mengalu-alukan kehadiran YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin sebagai Pengerusi MAIS, yang memulakan tugasnya bermula 1 Mac 2025.

Ucapan tahniah dan selamat datang kepada beliau. Semoga dengan kepimpinan beliau, MAIS akan terus maju ke hadapan dalam agenda pemerkasaan agama Islam ke tahap yang tertinggi, selaras dengan kewajipan MAIS yang termaktub di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah memperkenan pelantikan beliau berkuat kuasa 1 Mac 2025.

YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin merupakan seorang peguam bela dan peguam cara serta pernah menjawat beberapa jawatan penting Kerajaan, antaranya Timbalan Pendakwa Raya, Unit Jenayah Komersial di Jabatan Peguam Negara pada 1994 hingga 2001 dan Ketua Unit Pendakwaan Negeri Selangor (2003-2006).

Beliau juga merupakan anggota MAIS dari tahun 2007 hingga kini, selain turut memegang jawatan sebagai Ahli Dewan di-Raja Selangor sejak 2016.

Semoga MAIS lebih cemerlang menerajui hal ehwal Islam di Negeri Selangor melalui pimpinan beliau. **Edisi**



MAKLUMAT PERIBADI:

Nama Penuh: **YAD Senator Dato' Setia Haji Salehuddin bin Saidin**

Tarikh Lahir: **8 Mei 1963**

Pendidikan: **Sarjana (Bidang Undang-Undang dengan kepujian), Universiti Malaya**



Sidang Editorial

EDISI

KETUA PENGARANG

Hajah Noormala binti Mohd Sa'ad

PENGARANG

Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi

EDITOR

Puan Salawati binti Hamid

SUBEDITOR/PRUF

Encik Norzaili bin Taib

KOLUMNIS

Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid

Dr. Haji Halim bin Mokhtar

Encik Mohd Hafiz bin Abdul Salam

Ustaz Hasal bin Senin

Encik Shahrul Effendy bin Md Saat

Puan Maryam binti Md Zin

Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman

Ustaz Haji Mohammad Salleh bin Haji Abdul Saha

Ustaz Haji Muhamad Rafee bin Rahman

Encik Muhammad Hafiz bin Bahari

Dengan Kerjasama:





KITA INI HAMBA RAMADHAN?



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

“Aku dalam bulan Ramadhan ni jadi baik sikit. Solat awal waktu. Aurat aku tutup. Gossip aku stop dulu. Bukan apa, ini kan bulan mulia.”

Tidak sedikit orang seperti ini. Menjadikan Ramadhan sebagai bulan untuk ‘jadi baik’. Kelakuannya, penampilannya, percakapannya pun jadi baik. Tunggulah nanti habis Ramadhan. Eh...kembali ke asal. Solat tidak tentu hala. Aurat tidak terjaga. Mulutnya kembali mengata ikut suka. Hamba Ramadhankah kita?

Tidak. Kita wajib menjadi hamba Allah SWT; bukan Ramadhan. Hamba Allah SWT tidak bermusim amalannya. Istiqamah. Tidak pilih-pilih masa. Andai masih memilih Ramadhan sahaja, sedangkan di luar Ramadhan dia tidak memelihara dirinya, maka itulah pertanda dia hamba Ramadhan. Berubah kerana Ramadhan, ia tidak diterima oleh Allah SWT. Kita wajib berubah kerana Allah SWT. Istiqamah kerana Allah SWT dan apa sahaja kerana Allah SWT. Itu baharu hamba Allah SWT yang sebenar-benarnya.

Benar, Ramadhan ada aura yang luar biasa. Aura Ramadhan seolah-olah mengubah manusia untuk menjadi lebih baik. Baguslah. Itulah keberkatan Ramadhan namanya. Memang ada masa-masa tertentu, Allah SWT memberikan keberkatan di dalamnya. Tidak sama hari Jumaat dengan hari yang lain. Tidak sama juga bulan Ramadhan dengan bulan yang lain. Barakahnya berbeza.

Buktinya, dalam bulan Ramadhan kita ada kekuatan tambahan untuk beramal, untuk taat dan jadi lebih warak. Kita mampu menahan diri sehingga 12 jam. Di dalam tandas kala bersendirian pun, tidak ada yang mahu membuka puasa. Kita mampu berdiri lama mendirikan solat Tarawih, hingga 23 rakaat. Malah, sanggup menahan ngantuk bertadarus al-Quran pada lewat malam. Bangun tahajud. Makan sahur. Subuh yang dulunya lambat, kini mampu berjemaah di masjid. Itu semua adalah bukti, betapa luar biasanya aura Ramadhan.

Sebetulnya, mari kita jadikan Ramadhan sebagai bulan memulakan perubahan. Bulan membasuh dosa, menggilap iman dan mencanai diri. Di bulan yang syaitan dirantai, nafsu pun lemah, maka kita punya ‘kesempatan emas’ untuk berubah. Berazamlah untuk terus istiqamah. Bertekadlah untuk mencari ampunan dan redha Allah SWT. Jika di bulan Ramadhan kita mampu, maka di luar bulan Ramadhan kita pasti mampu.

Percayalah, andai kita mampu mengekalkan momentum perubahan ini, maka kita adalah hamba Allah SWT; bukannya hamba Ramadhan. Kita sudah menjadi golongan yang menepati kehendak Allah SWT lewat didikan Ramadhan, iaitu ‘mudah-mudahan kamu bertakwa’. Orang bertakwa, dia kekal memelihara diri dari dosa sepanjang hayatnya.

Untuk mendokong aspirasi takwa ini, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan seluruh agensinya, berusaha memupuk budaya menjadikan Ramadhan sebagai bulan tarbiyah kepada umat Islam. Banyak aktiviti menarik diatur. Lembaga Zakat Selangor (LZS) misalnya, sibuk menyediakan pelbagai keperluan membantu asnaf menyambut Ramadhan dengan lebih baik. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga bekerjasama dengan pelbagai pihak menganjurkan tazkirah di lapangan terbuka dan sebagainya lagi, agar umat Islam dapat merasai aura Ramadhan biar pun di luar masjid.

Apa yang penting, umat Islam hendaklah berazam untuk menjadikan Ramadhan sebagai sekolah, dan mematuhi segala silibus yang tersedia di dalamnya. Mengisi masa dengan ibadah, menunaikan zakat dan memperbanyakkan sedekah, berpada dalam menyediakan juadah dan paling utama, merebut pahala berganda tanpa lelah. Selamat berpuasa daripada kami di Edisi. Semoga kita semua menjadi hamba Allah SWT dan Ramadhan adalah langkah pertamanya. Wallahua'lam. **Edisi**

TIPS MENJADIKAN RAMADHAN LEBIH BERMAKNA



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid** (hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Golongan *salafussoleh* (orang-orang soleh zaman awal Islam) menyambut Ramadhan dengan persiapan rohani yang luar biasa. Mereka memperbanyakkan berpuasa, sejak dari bulan Rejab dan Sya'ban. Maka, sebaik sahaja memasuki gerbang Ramadhan, mereka sudah mampu memecut laju. Tidak lagi pucat wajahnya menahan lapar. Tidak lagi kering bibirnya menahan dahaga. Apa lagi diserang gastrik secara tiba-tiba.

Sebenarnya, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan agensi-agensi agama Islam di negeri ini sering mempromosikan penghayatan Ramadhan. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) misalnya, sudah selalu mengeluarkan poster-poster menarik menjelang Ramadhan. Ia adalah satu didikan halus agar kita lebih bersedia menerima kehadiran Ramadhan. Lembaga Zakat Selangor (LZS) sendiri sentiasa mengadakan kempen berzakat di bulan Ramadhan demi meraih pahala berganda di dalamnya.

Lalu demi menjadikan Ramadhan kali ini lebih bermakna, Edisi MAIS mahu berkongsi beberapa tips ini agar kita dapat amalkan bersama-sama:

01

AZAM BUKAN SEKADAR NIAT. Ya, berazam untuk menjadikan Ramadhan pada kali ini lebih baik; bukan sekadar berniat untuk menyedapkan hati. Azam itu akan disusuli dengan tindakan yang lebih teratur. Azam mesti dikotakan dengan tindakan susulan; sedangkan niat kadang-kala hilang begitu sahaja ditelan masa.

02

TULISKAN SASARAN RAMADHAN. Betul, cuba buat catatan yang jelas di rumah, bilik atau pejabat. Misalnya, ini sasaran saya Ramadhan ini: Tahajud minimum 10 malam; bersedekah setiap hari minimum RM1; tadarus minimum 10 juzuk dan solat berjemaah Subuh tidak kurang 15 hari. Ini sekadar contoh bagi mereka yang belum mampu menjaganya sebelum Ramadhan. Jika sudah sedia melakukannya sebelum itu lagi, maka tingkatkan sasaran masing-masing ke tahap lebih tinggi.

03

UZLAH DARI MAKSIAT. Ya, maksiat menyebabkan iman jadi lemah. Maksiatlah yang menyebabkan kita jadi susah beribadah. Maka, sepanjang Ramadhan ayuh uzlah dari maksiat. Alang-alang si syaitan pun sudah diikat. Caranya, jauhi punca maksiat. Jika puncanya bersendirian, maka duduklah dengan sahabat yang baik. Jika puncanya di pasar atau bazar Ramadhan, maka banyakkkan masa di masjid. Jika puncanya dari 'hand phone', kawallah diri untuk melihat hanya yang baik-baik.

04

TINGKATKAN AMAL SOLEH. Setelah kita mengawal diri dari maksiat, maka dekatkan diri dengan ibadat. Caranya, sibukkan diri dengan Allah SWT. Membaca al-Quran, bertadarus dengan kawan-kawan, membaca buku motivasi, bertaubat, berselawat, memberikan sedekah, menjaga solat berjemaah, meningkatkan silaturrahim dan memulihkan ukhuwah yang mungkin sebelum ini sudah terbelah. Bila kita sibuk dengan Allah SWT; maka Allah SWT akan menjaga kita. Percayalah.

05

SEMAKAN SUKUAN RAMADHAN. Jarang kita mahu duduk sebentar dan menyemak kembali, apakah sasaran kita dan tindakan kita selama ini masih berada di atas landasan yang benar atau sudah tersasar. Jika sudah tersasar, perbetulkan 'alignment' dan kembali berada di atas 'track' yang betul. Sehingga akhirnya tirai Ramadhan pun berlabuh dan kita dapat menyudahi Ramadhan dengan hati yang penuh rasa keredhaan.

06

BAGI PENGHARGAAN. Ya, bagilah penghargaan kepada diri sendiri atas pencapaian yang diperolehi. Tidak ada salahnya. Misalnya, jika saya dapat solat tahajud 10 malam dalam bulan Ramadhan, maka saya akan makan sedap di restoran hebat. Boleh juga bagi penghargaan kepada anak dan isteri jika mereka turut mencapai sasaran Ramadhan. Ia menjadi motivasi buat diri.

Bagaimana? Sudahkah kita bersedia menjalani Ramadhan pada kali ini dengan lebih bermakna? Sesungguhnya, tidak ada yang lebih bermakna, melainkan kita menemui Ramadhan dengan penuh kehangatan dan ketika Ramadhan meninggalkan kita nanti; ada oleh-oleh yang ditinggalkan. Itulah dia 'ketaatan' kita dalam beramal kepada Allah SWT, sebagai bukti kita telah pun menjalani persahabatan yang penuh akrab dengan sahabat yang bernama 'Ramadhan'. **Edisi**

PUASA *YAK YAK YEAH*



Oleh: **Dr. Haji Halim bin Mokhtar** (halim@uis.edu.my)
Pensyarah Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor

Alkisah tersiarlah berita sekumpulan individu Muslim yang ditangkap oleh pihak Penguatkuasa Agama kerana makan di khalayak ramai di siang hari bulan Ramadhan. Tangkapan seperti ini sudah menjadi norma setiap kali bulan Ramadhan sehingga pelbagai usaha dakwah dan penguatkuasaan giat dijalankan namun ianya tetap terjadi pada setiap tahun.

Kumpulan yang mungkin dikenali di kalangan masyarakat dengan nama Geng Barkobar *Yak Yak Yeah*, Geng Puasa Yang yok atau Geng Plastik hitam, telah mencalar kemuliaan Ramadhan akibat tindak tanduk mereka yang tidak berpuasa dan tidak menghormati Ramadhan serta makan di khalayak ramai atau di “port” terpilih. Tidak berasa malu kepada Allah SWT, keluarga serta masyarakat yang berbilang kaum dan lebih dahsyat lagi mereka semacam sengaja mempamerkan diri seperti adiwira apabila boleh membungkus makanan atau makan di kedai ketika orang lain berpuasa.

ALASAN TIDAK BERPUASA?

Beberapa alasan popular yang memuallkan telah disediakan untuk menyelamatkan diri apabila ditangkap di antaranya terlupa sahur, terlupa niat, bekerja berat, tak sihat, tak tahan panas, sakit gastrik (gas kurang, trik lebih) tidak tahan dengan ajakan kawan serta berbagai-bagai alasan yang tidak relevan. Apa pun alasan, hakikatnya berani buat berani tanggung. Salah tetap salah!

RUGINYA TIDAK BERPUASA?

Generasi Muda mesti menjadikan Bulan Ramadhan adalah bulan yang hebat penuh bermakna dengan berbagai kelebihan yang telah Allah SWT anugerahkan di antaranya Bulan yang dibuka pintu Syurga dan ditutup pintu Neraka, Bulan yang diberikan ganjaran kebaikan berganda-ganda, Bulan yang mustajabnya Doa, Bulan untuk mujahadah jiwa, Bulan untuk bertadarus Al Quran, Bulan Solat Tarawih dan Bulan yang dikurniakan Lailatul Qadar yang lebih baik daripada seribu bulan dan pelbagai lagi kelebihan.

Generasi Muda mesti memahami bahawa berpuasa adalah kewajiban seorang Muslim dan mukmin untuk dilaksanakan bagi meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT. Di samping menghayati episod kehidupan mereka yang kurang bernasib baik dengan berlapar dan dahaga serta kemampuan untuk mengawal kehendak diri dan nafsu bagi mengelakkan diri daripada berbuat kemungkaran. Inilah bukti nilai taqwa dan integriti yang hebat di antara Hamba dengan Tuhannya.

AMARAN TIDAK BERPUASA!

Generasi Muda mesti memahami di sisi Agama bahawa orang yang sengaja berbuka puasa di dalam bulan Ramadhan tanpa sebarang keuzuran adalah berdosa besar kerana meninggalkan salah satu daripada rukun Islam dan wajib diqada'kan. Di sisi Undang-undang pula, ketegasan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi amaran keras terhadap umat Islam di negeri Selangor yang tidak berpuasa dan didapati makan di khalayak ramai pada Bulan Ramadhan akan dikenakan tindakan mengikut Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995. Sebarang aduan boleh dibuat dengan menghubungi **Hotline Penguatkuasa JAIS di talian 1-800-88-2424 atau 03 55143777**.

Generasi Muda yang terlibat secara langsung dengan pengusaha makanan atau penghantar makanan mestilah meletakkan nilai Agama sebagai keutamaan selain daripada mengejar keuntungan. Perbuatan membantu orang lain dalam melakukan perkara yang berdosa adalah diharamkan berdasarkan kaedah Fiqh “Membantu ke arah maksiat itu merupakan suatu maksiat.” Jangan bersubahat untuk perkara yang boleh mencemarkan kesucian bulan Ramadhan.

Ironinya, Generasi Muda mesti menghormati bulan Ramadhan dengan melaksanakan tanggungjawab berpuasa kerana keimanan. Tindakan makan di khalayak ramai pada siang hari dalam bulan Ramadhan adalah satu bentuk penghinaan kepada Syiar dan Syariat Islam. Nasihat dan pesanan buat Geng Barkobar *Yak Yak Yeah*, Geng Puasa Yang Yok dan Geng Plastik hitam pada tahun ini berazamlah untuk berpuasa sepenuhnya, malulah kepada Allah dan malulah kepada manusia. Insaflah selagi nyawa dikandung badan. “Tak hensem takpe, janji puasa”.
#Ramadhanterbaik. **Edisi**



SOLAT TARAWIH EXPRES



Oleh: **Ustaz Mohamad Shukry bin Sulaiman** (shukry@muftiselangor.gov.my)
Ketua Penolong Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor

Menjelang setiap kali Ramadhan, tular di media sosial solat Tarawih yang ditunaikan secara ekspres. Melihat gelagat jemaah yang kelimat kelibut mengejar pergerakan imam menjadikan seolah-olah ianya bahan jenaka dalam ibadah tarawih itu sendiri. Kita juga tidak nafikan, trend seumpama ini mendapat sambutan daripada penduduk setempat.

Solat Tarawih adalah salah satu ibadah khusus yang sangat dianjurkan hanya di bulan Ramadhan. Menurut mazhab yang empat, hukum solat Tarawih adalah sunat *muakkad* iaitu solat yang sangat dituntut.

Makna tarawih itu sendiri adalah beristirahat. Sebab itu, ia dilaksanakan berselang-seli dengan berehat seketika dengan diselangi bacaan selawat untuk memudahkan para jemaah selain bagi mendapatkan ketenangan serta keikhlasan ketika bersolat terutama buat warga emas.

Apabila dilakukan secara tergopoh gapah sehingga melanggar *tamakninah*, hukum tajwid bacaan al-Fatihah maka sudah pasti ia berlawanan dan merosakkan sifat solat tarawih itu sendiri. Tarawih yang dilakukan dengan cepat (ekspres) dengan kepantasan kurang 30 minit ini perlu dinilai dari pelbagai sudut agar ianya tidak menjadi budaya ikutan setiap kali kedatangan Ramadhan. Ulama berbeza pandangan kewajaran tarawih yang dilakukan dengan cepat atau ekspres.

Majoriti ulama berpandangan bahawa solat tarawih perlu dilakukan dengan tenang dan khusyuk, sementara yang lain lebih mementingkan bilangan rakaat dan tidak terlalu menekankan kelajuan solat.

Dalam ibadat solat, apabila ia dilakukan dengan tergesa-gesa tanpa adanya *tamakninah* apatah lagi bacaan surah al-Fatihah yang tidak sempurna di baca ia disifatkan sebagai 'pencuri'.

Daripada Abu Qatadah, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Seburuk-buruk pencuri ialah mereka yang mencuri daripada solat mereka." Sahabat pun bertanya, "Wahai Rasulullah SAW! Bagaimana mereka mencuri daripada solat?" Maka Rasulullah SAW menjawab: "Mereka yang tidak sempurna rukuk dan sujud (iaitu mengerjakan solat dengan tergopoh-gapah)." (Riwayat Ahmad, al-Tabrani dan Ibn Khuzaimah)

Pandangan lain menyatakan bahawa, solat Tarawih ekspres ini boleh mengurangkan kekhusyukan dan kualiti solat bahkan ianya adalah dilarang. Solat yang dilakukan dengan cepat dan tidak sempurna boleh menghilangkan kesempurnaan solat itu sendiri, dan hal ini bertentangan dengan tujuan utama solat, iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan khusyuk.

Hujah sandaran kelompok ini adalah merujuk kepada ianya tradisi turun temurun sejak sekian lama tanpa ada bantahan daripada pihak berwajib. Malahan pegangan warisan generasi ini dilakukan oleh Pak Kiai-pak kiai yang memiliki pengaruh dalam masyarakat.

Dalam hal ini Rasulullah SAW bersabda: "Solat yang paling disukai oleh Allah adalah solat yang dilakukan dengan khusyuk, walaupun sedikit." (Riwayat Muslim)

Apabila seseorang melaksanakan solat tarawih dengan sangat laju, ia berisiko mengurangkan tumpuan dan mengabaikan rukun-rukun solat seperti bacaan al-Fatihah dengan baik, tidak melakukan rukuk dan sujud dengan sempurna. Hal ini akan mengurangkan keberkatan dan pahala solat tersebut. *Tamakninah* adalah Rukun Solat. Para ulama sepakat bahawa *tamakninah* adalah wajib dalam solat. Solat yang terlalu cepat sehingga tidak sempat mencapai *tamakninah* boleh menyebabkan solat itu tidak sah.

Tarawih adalah ibadah tambahan yang memberikan peluang untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Jika solat dilakukan terlalu cepat tanpa memberi perhatian kepada rukunnya, ia boleh menjejaskan keikhlasan dan matlamat ibadah.

Peringatan Rasulullah SAW: Dalam sebuah hadis, Baginda pernah menegur seorang sahabat yang solat terlalu cepat sehingga rukunnya tidak sempurna. Rasulullah SAW bersabda:

"Kembalilah dan solatlah semula kerana sesungguhnya engkau belum solat." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sebagian besar ulama berpendapat bahawa solat Tarawih yang dilakukan dengan cepat tidak menepati sunnah, yang mengutamakan ketenangan, kekhusyukan, dan penghayatan. Namun, ada juga ulama yang berpendapat bahawa tidak ada masalah jika seseorang solat Tarawih dengan cepat selama rukun-rukun solat dilaksanakan dengan betul dan sempurna.

Namun demikian, solat Tarawih yang dilakukan terlalu cepat hingga tidak memenuhi syarat-syarat kesempurnaan solat mesti dielakkan, kerana kekhusyukan dalam solat adalah sangat penting.

Solat adalah komunikasi langsung antara hamba dan Allah. Oleh itu, kekhusyukan sangat penting dalam solat. Untuk mencapai kekhusyukan tersebut, solat tidak seharusnya dilakukan dengan tergesa-gesa. Solat yang dilakukan dengan perlahan dan penuh perhatian akan membawa kepada ketenangan jiwa, meningkatkan kualiti ibadah, dan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Kesimpulan

Hukum solat Tarawih yang dilakukan dengan laju tidak semestinya membatalkan solat, tetapi ia berisiko mengurangkan kualiti solat tersebut. Sebaiknya, solat Tarawih dilaksanakan dengan tenang, penuh perhatian, dan khusyuk. Umat Islam disarankan untuk menjaga kesempurnaan rukun solat, dan mengelakkan perbuatan yang menyebabkan solat dilakukan dengan tergesa-gesa atau laju. **Edisi**

MENTAATI ULIL AMRI: LIDAH KHALIFAH



Oleh: **Mohd Hafiz bin Abdul Salam** (hafizsalam@mais.gov.my)
Ketua Pusat Penyelidikan, MAIS

Mentaati Ulil Amri merupakan salah satu perkara yang dituntut oleh syarak selama mana suruhan tersebut demi menjaga masalah serta menghalang mafsadah kepada rakyat. Di Malaysia, beberapa polisi umum telah dibentuk oleh Ulil Amri merangkumi pelbagai aspek termasuklah sosial, ekonomi, dan urusan hal ehwal agama Islam. Setiap polisi yang dibentuk adalah hasil daripada perbincangan demi perbincangan dengan badan-badan berautoriti serta pakar-pakar dalam pelbagai bidang. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti Ulil Amri yang bertanggungjawab dalam mengendalikan dan menguruskan isu-isu demi kemaslahatan ummah.

Banyak nas baik dari al-Quran mahupun al-Sunnah yang jelas menunjukkan kepada perkara ini. Antaranya adalah firman Allah S.W.T. melalui Surah Al-Nisa' (59) *"Wahai orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah, taatlah kamu kepada Rasul serta (taatlah kepada) ulil amri (para pemimpin) dari kalangan kamu"*. Namun Ibnu Kathir dan Fakhruddin al-Razi ada menyatakan bahawa ketaatan kepada ulil amri hanyalah terikat dengan ketaatan mereka kepada Allah SWT serta Rasulullah sahaja. Justeru, ketaatan kepada perintah ulil amri adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang makruf sahaja dan bukan dalam perkara-perkara maksiat.

Secara takrifannya, ulil amri memberi maksud pemerintah atau penguasa yang sah atau dalam istilah modenya adalah Yang di-Pertuan Agong, Raja-Raja, Perdana Menteri, Presiden atau pemerintah utama pada satu-satu tempat, negeri mahupun negara. Di Selangor, suatu enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah diwujudkan bagi mengadakan peruntukan tentang pentadbiran Agama Islam, bidang kuasa Mahkamah Syariah, penubuhan dan fungsi Majlis Agama Islam Selangor serta perkara lain yang berkaitan dengannya. Enakmen ini turut memperuntukkan fungsi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku ketua agama Islam di Negeri Selangor dalam perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam, tanggungjawab dan kuasa-kuasa Majlis dalam mentadbir hal ehwal agama Islam di dalam Negeri.

Majlis bertanggungjawab untuk menasihati DYMM Sultan berkenaan dengan semua hal yang berkaitan dengan agama Islam di dalam wilayahnya, kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Islam (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor) dan yang berkaitan dengan hukum syarak (Jabatan Mufti Negeri Selangor). Beberapa peranan umum Majlis yang lain ialah menggubal dasar dan memperakui keputusan dasar berkaitan ajaran Islam yang diputuskan oleh agensi-agensi agama Islam di peringkat persekutuan dengan efektif, memantau dan menyelaras pelaksanaan dasar Islam dan fatwa oleh agensi-agensi pelaksana di peringkat negeri serta menyiasat dan membuat dakwaan terhadap kesalahan di bawah perkara-perkara Hukum Syarak bagi melaksana keadilan demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian ummah selaras dengan prinsip-prinsip maqasid syariah.

Justeru, masyarakat Islam di Malaysia perlu akur terhadap semua keputusan dan ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri melalui perkenan DYMM Sultan di peringkat negeri atau DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di peringkat persekutuan. Sebagai contoh, segala ketetapan berkaitan tarikh bermulanya puasa atau kaedah penentuan awal puasa dan hari raya. Umum mengetahui, bahawa tarikh bermulanya puasa akan diisytiharkan secara rasmi oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja pada malam 29 Syaaban setiap tahun setelah mendapat perkenan DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Oleh itu, sebagai masyarakat Islam Malaysia hendaklah sentiasa akur dengan segala ketetapan yang dibuat tanpa membandingkan ketetapan yang dibuat

oleh negara-negara Islam yang lain. Di Malaysia kita mengguna pakai kaedah Rukyah dan Hisab berpandukan kriteria Imkanur Rukyah bermula dari tahun 1995. Asas kepada kaedah Rukyah dan Hisab yang diguna pakai ini adalah berpandukan kepada pendapat-pendapat ulama' muktabar.

Manakala, bagi penetapan kadar zakat fitrah pula akan ditentukan oleh setiap negeri masing-masing. Di Selangor sebagai contohnya, bagi menetapkan kadar zakat fitrah 2025, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah menurunkan kuasanya kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) bertanggungjawab selaku Agensi di bawah MAIS bagi melaksanakan ketetapan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor bagi tahun 2025 Masihi/1446 Hijrah yang telah menetapkan 3 kadar harga yang berbeza mengikut jenis beras yang dimakan bermula daripada RM7, RM15 dan RM22 dengan kadar timbangan satu gantang Baghdad bersamaan 2.6 kilogram beras.

Harga Zakat Fitrah Terkini 2025

RM 7
> Beras Putih Import
> Beras Putih Tempatan

RM 15
> Beras Merah
> Beras Perang
> Beras Pulut
> Beras Wangi

RM 22
> Beras Herba Poni
> Beras Jepun
> Beras Basmati

Bayar ZAKAT FITRAH

**ikut harga
beras dimakan**

*Imbas Kod QR untuk bayar
ZAKAT FITRAH atau layari:
fpx.zakatselangor.com.my

**"Hukum pembayaran zakat fitrah
melalui kaedah atas talian adalah harus"**

Keputusan Fatwa Negeri Selangor

[zakatselangor](https://www.zakatselangor.com.my)

www.zakatselangor.com.my

Oleh itu, sebagai kesimpulannya segala ketetapan dan keputusan yang telah dibuat ini hendaklah dipatuhi dan dijunjung dalam mengelakkan kekeliruan, perselisihan dan perbezaan pendapat di kalangan persatuan dan kumpulan yang berbeza. Dalam masa yang sama juga, ianya dapat memelihara perpaduan dan keharmonian serta menjamin kemampunan Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang dicontohi selagi semua ketetapan yang dibuat tidak bertentangan dengan hukum syarak. Semoga Allah SWT memelihara dan memacu pemerintah Islam menuju ke arah keredhaan Allah S.W.T. Wallahu'lam. **Edisi**

ORANG YANG DIBERIKAN KEUZURAN TIDAK BERPUASA RAMADHAN



Oleh: **Ustaz Hasal bin Senin** (hasal@mais.gov.my)
Pembantu Eksekutif, Unit Pembangunan Kompetensi, MAIS

Alhamdulillah kita dapat bertemu kembali melalui EDISI MAIS keluaran Bil 1/2025 dan pada keluaran kali ini saya ingin berkongsi mengenai tajuk, "Orang Yang Diberikan Keuzuran Tidak Berpuasa Ramadhan"

Puasa pada bulan Ramadhan merupakan perbuatan yang wajib dilakukan oleh setiap Muslim. Namun, ada juga yang kurang bernasib baik kerana tidak mampu untuk melakukan amalan ini kerana menghadapi masalah kesihatan.

Siapakah Golongan Yang Diberi Keuzuran Untuk Tidak Berpuasa?

1

WANITA YANG DALAM KEADAAN HAID & NIFAS

Para ulama telah bersepakat bahawa wanita yang dalam keadaan haid diharamkan baginya untuk berpuasa. Sekiranya dia tetap berpuasa maka puasanya adalah tidak sah. Sama ada puasa tersebut merupakan puasa wajib, sunat, kaffarah, ataupun nazar. Wajib ke atas mereka untuk menggantikan puasa ini apabila mereka suci dari haid.

2

ORANG YANG DALAM KEADAAN SAKIT

Sekiranya seseorang itu berpuasa dan boleh memberi kemudahan terhadap pesakit dan boleh membawa kematian, maka beliau diwajibkan untuk berbuka puasa. Namun begitu, hendaklah kita mendapatkan nasihat doktor sama ada perlu berbuka puasa ataupun tidak. Tetapi, sekiranya seseorang itu hanya menghadapi sakit yang ringan dan tidak memberi kesan yang besar terhadap kesihatannya, maka seseorang itu diwajibkan berpuasa dan tidak harus baginya untuk berbuka puasa.

Orang yang sakit diberikan keringanan untuk berbuka puasa (tidak berpuasa). Apabila dia sihat semula maka wajib ke atasnya untuk menggantikan puasanya yang ditinggalkan tersebut. Walaupun begitu, ada syarat bagi kategori sakit yang dibenarkan berbuka antaranya ialah;

- ✓ Sakit tersebut adalah sakit yang teruk (berat) yang mana apabila orang tersebut berpuasa ia akan menambahkan lagi kesakitan ataupun melewatkan kesembuhan yang terdapat pada dirinya.
- ✓ Apabila seseorang yang sakit itu berpuasa ia datang bersamanya *masyaqqah* (kepayahan) ke atas dirinya.
- ✓ Sekiranya seseorang individu itu sakit dan akan bertambah kesakitannya jika berpuasa namun sukar untuk membahayakan nyawa, maka dia diharuskan berbuka puasa. Namun, jika sakit tersebut sangatlah berbahaya dan boleh membawa kepada risiko seperti kehilangan nyawa mahupun fungsi badan, maka wajib ke atas dirinya untuk berbuka puasa. Seterusnya, sekiranya seseorang individu itu ditimpa penyakit yang tidak menjejaskan puasa dan tidak membahayakan dirinya, maka diharamkan ke atas dirinya untuk berbuka puasa.

Walaupun seseorang itu tidak berpuasa kerana masalah kesihatan, maka diwajibkan keatas dirinya untuk membayar Fidyah.

3

ORANG YANG SEDANG BERMUSAFIR

Orang yang sedang dalam permusafiran diberikan *rukhsah* (keringanan) untuk berbuka (tidak berpuasa). Apabila dia berbuka, menjadi suatu kewajipan ke atas dirinya untuk menggantikannya (*qadha*) pada hari yang lain. Akan tetapi permusafiran ini juga mempunyai beberapa kriteria untuk menjadikan ia suatu yang mengharuskan berbuka puasa. Antaranya adalah seperti berikut;

- ✓ Permufafiran tersebut merupakan perjalanan panjang yang terdapat masyaqqah (kepayahan) kepada musafir yang berpuasa untuk meneruskan puasanya.
- ✓ Jika orang yang bermusafir itu meneruskan puasa semasa bermusafir, akan tetapi puasanya tidak memberi kemudharatan atau kepayahan kepada dirinya, maka adalah lebih afdhal untuk dia teruskan puasa.

4

SESEORANG YANG MELIHAT ANAK BULAN SYAWWAL

Diriwayatkan dari Ibn Umar r.anhuma beliau berkata,aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang maksudnya;

"Apabila kalian melihatnya (anak bulan) maka berpuasalah dan apabila kalian melihatnya (anak bulan syawwal) maka berbukalah (raya sudah tiba)." (Hadis Riwayat Muslim)

Ketika mengulas hadis ini, kata Imam al-Son'aani Rahimahullah;

"Jika seseorang yakin dia telah melihat anak bulan Syawwal, maka dia boleh untuk berbuka (tidak berpuasa), dan sebaiknya dia sembunyikan hal itu, bertujuan untuk memelihara hamba (orang ramai) dari mereka berburuk sangka dengannya lalu mendapat dosa. (Rujuk Subul as Salam)

Mudah-mudahan dengan perkongsian ini dapat menjadi panduan kepada masyarakat awam dalam isu yang dikongsikan. Pihak MAIS menyediakan kemudahan menunaikan fidyah kepada mereka yang keuzuran tidak berpuasa. **Edisi**

"Meninggalkan Puasa Kerana Sakit Kronik"

Orang yang sakit berpanjangan dan tidak diharapkan boleh sembuh berdasarkan pengesahan doktor perubatan.

Ayuh gunakan Kalkulator Fidyah Kami.

✓ Pantas ✓ Tepat ✓ Mudah

IMBAS & TAKSIR

FIDYAH

Majlis Agama Islam Selangor | mais_officialha | maisgovmy

www.mais.gov.my

GENG PLASTIK HITAM



Oleh: **Puan Maryam binti Md Zin** (maryam@jais.gov.my)
Penolong Pengarah Kanan, Unit Dasar dan Strategi JAIS

Pernahkah anda mendengar nama “Geng Plastik Hitam”? Nama ini biasanya disebut-sebut ketika bulan Ramadhan. Ia merujuk kepada sekumpulan orang Islam yang tidak menjalani ibadah puasa dan makan secara sembunyi di kawasan tertutup atau kawasan sunyi. Seingat saya bermula era 80an sehingga alaf baharu, nama “Geng Plastik Hitam” sering dijadikan bahan jenaka oleh masyarakat kerana tipu helah menggunakan plastik sampah berwarna hitam yang berisi makanan untuk dimakan pada waktu siang di bulan Ramadhan.

Adakah “Geng Plastik Hitam” masih ada pada tahun ini? Apakah perbuatan “Geng Plastik Hitam” boleh ditangkap oleh pegawai penguatkuasa agama? Ketahuilah anda bahawa sekiranya “Geng Plastik Hitam” itu atau mana-mana orang yang pada waktu berpuasa dalam bulan Ramadhan melakukan perbuatan:

- (a) menjual kepada mana-mana orang Islam atau membeli apa-apa makanan atau minuman atau rokok atau benda lain yang seumpamanya untuk dimakan, diminum atau dihisap dalam waktu itu;
- (b) Secara terbuka atau di tempat awam didapati makan, minum atau menghisap rokok atau apa-apa benda lain yang seumpamanya

Orang itu adalah dikira melakukan kesalahan menurut Seksyen 19 Enakmen Jenayah Syariah Selangor. Jika ditangkap oleh

pegawai penguatkuasa agama dan didakwa di Mahkamah Syariah kemudian hakim memutuskan orang tersebut melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh:

didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Ini bermakna tidak mengira sama ada seseorang itu termasuk dalam “Geng Plastik Hitam” atau “Geng Plastik Putih” atau “Geng Order Delivery” atau apa jua nama asalkan didapati melakukan kedua-dua atau salah satu kesalahan yang dinyatakan di atas, maka dia boleh didakwa dan diberikan hukuman agar umat Islam sentiasa menghormati bulan Ramadhan yang mulia.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama melakukan amar makruf dan nahi mungkar dengan menyelamatkan umat Islam dengan teguran dan nasihat secara berhikmah dan berakhlak. Sekiranya teguran dan nasihat itu tidak memberi kesan, hubungi pegawai penguatkuasa agama Jabatan Agama Islam Selangor untuk melaksanakan tindakan sewajarnya.

Sesungguhnya bulan Ramadhan berhak untuk dihormati dan ingatlah bahawa berpuasa pada bulan ini adalah demi menjunjung perintah pencipta kita iaitu Allah SWT kepada umatnya serta demi menjaga kemuliaan agama Islam yang sentiasa memberikan hikmah dalam kehidupan di dunia ini. **Edisi**





قربانہ وقف سلاڠور
PERBADANAN WAKAF SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

BERWAKAF SECARA BULANAN KINI LEBIH MUDAH MELALUI *DIRECT DEBIT*

- 01 Mendaftar sekali sahaja melalui <https://infoqpay.my/go/wakafselangor>
- 02 Pengguna akan menerima status **BERJAYA** melalui e-mel.
- 03 Potongan akan dibuat setiap 2-5hb atau 22-26hb setiap bulan.
- 04 Pewakaf akan menerima notifikasi transaksi berjaya melalui e-mel.

NOTA:
Resit Rasmi Sumbangan Wakaf tahun semasa akan diproses pada sukuan pertama tahun berikutnya. Pewakaf perlu mengemaskini alamat surat-menyurat terkini sebelum tahun berakhir bagi tujuan pengeposan resit rasmi tersebut.

Mudah • Pantas • Selamat



wakafselangor



MASJID WAKAF KHAS; TERIMA KASIH PEWAKAF



Oleh: **Encik Muhammad Hafiz bin Bahari** (hafizbahari@wakafselangor.gov.my)
Pengurus Bahagian Korporat, Perbadanan Wakaf Selangor (PWS)

Masjid merupakan bangunan yang paling penting sebagai mercu tanda agama Islam kerana ia tempat ibadat yang menjadi rukun Islam kedua iaitu solat dianggap sebagai tiang seri agama. Justeru, masjid merupakan wakaf bagi Allah yang tidak dimiliki oleh sesiapa pun. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

Maksudnya: Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (ibadat kepada) Allah semata-mata.

Rasulullah SAW telah mendirikan masjid Quba' ketika sampai di Quba' dalam perjalanan hijrahnya. Kemudian selepas sampai di kota Madinah Rasulullah SAW juga telah mendirikan masjid yang dikenali sebagai masjid Nabawi sehingga menjadi tempat kesatuan umat dan juga memperkukuhkan ukhuwah Islamiyyah di samping mercu tanda tamadun Islam.

Masjid adalah tempat bagi umat Islam beribadah. Menekuni kembali sejarah Islam pada masa lampau, masjid adalah pusat komuniti masyarakat dan bandar-bandar dibentuk mengelilingi masjid ini. Kini, masjid terutamanya di negara-negara umat Islam boleh dijumpai di mana-mana, memudahkan umat Islam untuk menunaikan solat lima waktu. Masjid di dunia Barat pada zaman sekarang menerapkan konsep pusat integrasi yang turut mempunyai pusat pengajian, kemudahan komuniti selain untuk beribadah.

Dalam Negeri Selangor terdapat 428 buah Masjid di Negeri Selangor. Terdapat tujuh kategori masjid iaitu Masjid Negeri, Masjid Diraja, Masjid Daerah, Masjid Jamek, Masjid Naik Taraf, Masjid Kariah dan Masjid Institusi.

Menjadi kelaziman di Negeri Selangor ini masjid-masjid yang telah siap pembinaannya akan dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj. Pada bulan Ramadhan 1446H terdapat 7 buah masjid yang bakal dirasmikan dan antaranya adalah Masjid-masjid yang dibangunkan menggunakan dana wakaf khas sama ada daripada orang ramai, ahli kariah, syarikat swasta dan juga syarikat korporat.

Senarai masjid yang akan dirasmikan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj;

1. Masjid Kg. Seri Kedah, Tali Air 8 Ban 3, Sekinchan
2. Masjid Al Ehsan, Tanjong Sepat
3. Masjid Sentosa, Sepang.
4. Masjid Bandar Teknologi Kajang, Semenyih
5. Masjid Kampung Klang Gate Baru, Ulu Klang.
6. Masjid Bandar Bukit Raja, Klang.
7. Masjid Denai Alam, Shah Alam

Antara Masjid yang menggunakan dana wakaf khas adalah;

Masjid Sentosa, Sepang yang telah siap dibina dengan kos sebanyak RM 9 Juta dengan kemampuan kapasiti seramai 2,000 jemaah. Manakala **Masjid Bandar Bukit Raja, Klang** dibina dengan kos sebanyak RM 9 Juta dan kemampuan kapasiti seramai 1,850 jemaah.

Manakala **Masjid Denai Alam, Shah Alam** dibina dengan kos sebanyak RM 25 Juta dan kemampuan kapasiti seramai 5,000 jemaah.

Terima kasih kepada semua pewakaf yang telah melazimkan ibadah wakaf di Perbadanan Wakaf Selangor, dan Alhamdulillah Rumah Allah telah berdiri dengan indahnyanya menggunakan setiap sen dana wakaf yang telah diwakafkan.

Sabda Rasulullah SAW maksudnya: **"Sesiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah, sama ada kecil atau besar, pastilah Allah akan membina untuknya sebuah rumah (istana) di syurga"** (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) adalah agensi di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal wakaf di dalam Negeri Selangor ini. Pada **30 Oktober 2009**, DYMM Sultan Selangor menitahkan MAIS menubuhkan PWS supaya pengurusan wakaf di Selangor dapat diperkasakan seperti pengurusan zakat. Mesyuarat MAIS Bil. 3/2010 yang bersidang pada 29 Jun 2010 bersetuju menubuhkan PWS di bawah peruntukan Seksyen 8, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. **Edisi**



✦ Masjid Sentosa, Teras Jernang, Sepang
Masjid Wakaf Khas

Sumber : **Majlis Agama Islam Selangor**



MAIS Lancar Business Continuity Management (BCM) - Memastikan MAIS Tetap Berfungsi Dalam Situasi Kecemasan

JANUARI 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melancarkan Business Continuity Management (BCM) bagi memastikan MAIS tetap berfungsi dalam situasi kecemasan. **Edisi**



RM13 Juta Bantuan Fidyah MAIS Diagihkan Kepada 50,054 Penerima Yang Layak - Agihan Fidyah Bermula Januari Sehingga Disember 2024

JANUARI 2025 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah berjaya membuat kutipan fidyah berjumlah RM12.9 Juta dan telah mengagihkan sumbangan fidyah sebanyak RM13,014,200.00 kepada 50,054 penerima yang layak sepanjang tahun 2024. **Edisi**



Perbincangan Kerjasama MAIS Dan Tabung Haji Berkaitan Kutipan Fidyah & Kaffarah

FEBRUARI 2025 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Sektor Baitulmal mengadakan perbincangan kerjasama di Menara Tabung haji Jalan Tun Razak berkaitan kutipan Fidyah dan Kaffarah di aplikasi THijari. **Edisi**



MAIS Salur RM60 Ribu Wang Saku Kepada 200 Kanak-Kanak GISBH

FEBRUARI 2025 – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memperuntukkan bantuan persekolahan sebanyak RM60 ribu kepada 200 orang kanak-kanak bekas GISBH. **Edisi**

Kuliah Maghrib Khas Kempen Kesedaran Fidyah : Langsaikan Fidyah, Sempurnakan Ibadah

FEBRUARI 2025 - Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) melalui Baitulmal Daerah Sepang telah dijemput oleh pihak Surau Madrasatul Ubudiah, Jenderam Hulu bagi menyampaikan kuliah maghrib berkaitan kesedaran dan kepentingan dalam membayar fidyah. **Edisi**



Pengerusi MAIS Hadir Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) Sultan Selangor

MAC 2025 – Pengerusi MAIS, YAD Senator Dato Setia Haji Salehuddin Saidin menghadiri Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Bersama Rakyat dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya. **Edisi**



Sumber : Jabatan
Mufti SelangorSumber : Jabatan Kehakiman
Syariah Negeri SelangorSumber : Jabatan Pendakwaan
Syariah Selangor

Muzakarah Ilmuan Selangor Bersama Menteri Wakaf, Syeikh Usamah Al-Azhari

FEBRUARI 2025 - Jabatan Mufti Selangor bersama Sekretariat Turath Islami Selangor telah menganjurkan Muzakarah Ilmiah antara Ahli Jawatankuasa Fatwa Selangor, Agensi Agama negeri Selangor dan para asatizah bersama Menteri Wakaf Mesir, Syeikh Usamah al-Azhari. **Edisi**



Majlis Amanat Ketua Hakim Syarie

JANUARI 2025 - Sekitar Majlis Amanat Ketua Hakim Syarie dan Perhimpunan Jabatan Bil. 1 Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Mukhtar. **Edisi**



Lawatan Sambil Belajar Daripada Maple Leaf Kingsley International School

JANUARI 2025 - Jabatan ini menerima lawatan 60 pelajar dan guru daripada Maple Leaf Kingsley International School dimana para pelajar dibawa untuk melihat sendiri pengurusan perundangan kehakiman syariah di selangor dan prosiding dewan bicara. **Edisi**



u Pejabat Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS)



JAKESS Terima Pengiktirafan Diamond Bandar Rendah Karbon 2024

FEBRUARI 2025 - Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) telah menerima Pengiktirafan DIAMOND selaku Rakan Kongsi Rendah Karbon dalam Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024. **Edisi**

Mesyuarat Penyelarasan SKU Dan myPortfolio JPSS Tahun 2025

JANUARI 2025 - Mesyuarat Penyelarasan Sasaran Kerja Utama (SKU) dan myPortfolio Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor (JPSS) telah diadakan pada 17 hingga 19 Januari 2025 bertempat di KSL Esplanade Hotel, Klang. **Edisi**



Program Pementoran Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor

FEBRUARI 2025 - Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor terus komited dalam melaksanakan Program Pementoran Dalam Perkhidmatan Awam sebagaimana yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2005 : Panduan Aplikasi Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam. **Edisi**



Sumber : **Jabatan Agama
Islam Selangor**



Sumber : **Perbadanan
Wakaf Selangor**



Sumber : **Lembaga
Zakat Selangor**



Bengkel Pembangunan Sistem Digital Pantas Pensijilan Halal Selangor

JANUARI 2025 - Bengkel Pembangunan Sistem Digital Pantas Pensijilan Halal Selangor telah berlangsung dengan penuh jayanya selama 2 hari di Hotel Sama - Sama KLIA, Sepang. **Edisi**



Program Asas Penyeliaan Berkesan JAIS

FEBRUARI 2025 - Unit Integriti Dan Tatatertib, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menganjurkan Program Asas Penyeliaan Berkesan di mana program ini telah dihadiri seramai 300 orang penyelia di JAIS yang terdiri daripada Pembantu Tadbir Kanan, Pengurus Masjid, Ketua Seksyen, Ketua Unit, Pegawai Tadbir Agama dan Ketua Penolong Pengarah. **Edisi**



PWS Dijemput Menghadiri Ke Majlis Penyerahan Masjid Bukit Rahman Putra

JANUARI 2025 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah dijemput oleh Ahli Jawatankuasa Masjid Bukit Rahman Putra untuk turut serta dalam Majlis Penyerahan Masjid Bukit Rahman Putra. **Edisi**



Majlis Peluncuran Bulan Wakaf Peringkat Negeri Selangor

FEBRUARI 2025 - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) telah mengadakan Majlis Peluncuran Bulan Wakaf Peringkat Negeri Selangor tahun 2025 yang telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bertempat di Pusat Konvensyen Shah Alam. **Edisi**



Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam Telah Selesai Menjalankan Pra Peperiksaan Modul Bersepadu

JANUARI 2025 - Alhamdulillah, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam telah selesai menjalankan Pra Peperiksaan Modul Bersepadu Baitus Salam yang berlangsung bermula 20 Januari 2025 hingga 22 Januari 2025. **Edisi**



Anugerah Cambridge Islamic Funds Awards 2025

FEBRUARI 2025 - Lembaga Zakat Selangor (MAIS) memenangi anugerah Cambridge Islamic Funds Awards 2025 bagi kategori Best Islamic Institution for Humanitarian and Relief Cause. **Edisi**



Sumber : **Universiti
Islam Selangor**



Sumber : **Yayasan
Islam Darul Ehsan**



Sumber : **Teraju
Ekonomi Asnaf SB**



Misi Menawan Puncak Gunung Kinabalu

JANUARI 2025 – Sekumpulan mahasiswa Universiti Islam Selangor akan memulakan misi menawan puncak Gunung Kinabalu, sesi penyerahan bendera kepada pendaki telah diadakan di Auditorium Dr. Zainuddin Jaffar, UIS. Program yang dinamakan "UIS di Puncak" ini dijadualkan berlangsung pada 20 Januari 2025. **Edisi**



Taklimat Korporat UIS Bersama Kumpulan Pengurusan MAIS

FEBRUARI 2025 - Universiti Islam Selangor berkesempatan menyampaikan Taklimat Korporat berkaitan operasi dan tadbir urus Universiti Islam Selangor (UIS) semalam kepada kumpulan Pengurusan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku *parent company* dalam usaha memberi keseragaman pemahaman dan meningkatkan kecekapan organisasi. **Edisi**



Nahas KM204: YIDE Menziarah Anak Yatim Piatu

JANUARI 2025 – Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah meluangkan waktu untuk menziarahi dan memberikan sumbangan kepada dua anak yatim piatu yang kehilangan ibu bapa mereka dalam kemalangan tragis di Melaka. **Edisi**



Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Kepada Anak-Anak Yatim Bersama D.Y.T.M. Raja Muda Selangor Di RAYSAAS

MAC 2025 – Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, telah berkenan mencemar duli ke Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya kepada anak-anak yatim Rumah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj (RAYSAAS). Majlis ini dianjurkan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) sebagai tanda keprihatinan terhadap kebajikan anak-anak yatim. **Edisi**



Majlis Perutusan Pengerusi Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) Bagi Tahun 2025

JANUARI 2025 – Teraju Ekonomi Asnaf Sdn. Bhd. (TERAS) telah mengadakan Majlis Perutusan Pengerusi TERAS bagi tahun 2025 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam. **Edisi**



Jualan Rahmah Madani Bergerak & Jualan 'Back To School'

FEBRUARI 2025 - TERAS dengan kerjasama rapat oleh team YB Azmizam Zaman Huri selaku Adun Pelabuhan Klang dengan kelulusan pihak KPDN Selangor. **Edisi**



JOM BERBAHASA ARAB MUDAH!

(Siri 1/2025)



Oleh: **Ustaz Hamizul bin Abdul Hamid**
(hamizul@zakatselangor.com.my)
Ketua Jabatan Dakwah dan Perundingan,
Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Assalamua'laikum wrt. Apa khabar semua?
Kaifahalukum Jamian (كَيْفَ حَالُكُمْ جَمِيعًا)?

Pada sesi Bahasa Arab Mudah Siri 1 / Tahun 2025 kali ini, kita akan sama-sama mempelajari beberapa kalimah dalam Bahasa Arab yang digunakan dalam sebuah hadis yang popular, iaitu hadis mengenai niat. Mudah-mudahan, kita dapat memahami hadis berkenaan dan mengamalkannya sehari-hari dalam kehidupan.

Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Ertinya: "Sesungguhnya setiap amalan (atau perbuatan) itu tergantung kepada niat, dan sesungguhnya seseorang itu akan mendapat seperti apa yang dia niatkan." (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Keterangan ringkas: Hadis ini mengisahkan seorang lelaki yang melakukan hijrah dari Mekah ke Madinah kerana ingin menikahi seorang wanita, dan bukannya kerana Allah SWT. Maka, dia mendapat keinginannya untuk menikahi wanita berkenaan; dan tidak mendapat pahala atas hijrah yang dia lakukan. Maka, utamakan Allah SWT; bukannya makhluk dalam setiap amalan kita.

Berikut adalah pecahan perkataan daripada hadis di atas:

Bahasa Arab	Transliterasi	Bahasa Melayu
إِنَّ	inna	sesungguhnya
مَا	ma	apa
الْأَعْمَالُ	al-a'maalu	perbuatan-perbuatan (tergantung)
بِ	bi	dengan
النِّيَّاتِ	an-niyaat	niat (yang dikhususkan)
و	wa	dan
إِنَّمَا	inna ma	sesungguhnya apa (yang diniatkan)
لِكُلِّ	likulli	setiap
امْرِئٍ	imri in	lelaki
مَا	ma	apa
نَوَى	na waa	dimaksudkan

Kita boleh mengamalkan hadis di atas sehari-hari, dengan cuba memahami makna atau erti bagi setiap perkataan yang membentuk ayat. Mudah-mudahan, lambat laun kita akan terbiasa dengannya dan dapat mengetahui makna atau erti bagi ayat-ayat yang lain di dalam Bahasa Arab dengan lebih mudah. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, ilalliqa (إِلَى اللَّقَاءِ) atau jumpa lagi!

Wallahua'lam. **Edisi**

SIRI BELAJAR JAWI

(SIRI EMPAT PULUH TIGA)

اوليه : نورانيتا بنت عبد الرحمن

منشي ديوان (جاوي)

"رغكاي كات ستارا"

كات ستارا اياله كات يغ ترديري دوا فاته كات يغ سام اتاو ستارا كولوغن. قاعده مغيجا هندقله دأيجا سچارا ترفيسه. كولوغن كات يغ سام ايت اياله كات نام، كات كرجا، كات صيفت دان كات بيلغن.

1 كات نام

كات نام اياله فركاتان يغ منماكن اورغ، تمقت اتاو بندا دان منجادي عنصور اوتام دالم فراس نام. چونتوهن:

ايبو باف	اورغ توا	توا مودا	فيغكن مغكوك	انق ايسيري
----------	----------	----------	-------------	------------

2 كات صيفت

فركاتان يغ دكوناكن باكي منرغن صيفت اتاو كادان سباكاي عنصور كترغن كقد كات نام. چونتوهن:

چنتيق موليق	بيجق قنداي	تيغكي رنده	كلف كليتا	هيمم قوتييه
-------------	------------	------------	-----------	-------------

3 كات كرجا

كات كرجا اداله كات يغ دكوناكن اونتوق منونجوقكن سسواتو فرباتن. چونتوه:

تورون ناءيق	لالو لالغ	ماكن مينوم	جاتوه باغون	هيدوف ماتي
-------------	-----------	------------	-------------	------------

4 كات بيلغن

كات بيلغن اياله كات يغ دكوناكن اونتوق مغهيتوغ سسواتو فراسا نام. چونتوهن:

دوا بلس	لافن قولوه	امقت راتوس	تيك ريبو	ليم جوتا
---------	------------	------------	----------	----------

BULAN RAMADHAN, BULAN YANG DINANTIKAN, BAITUL ISLAH UBAH HIDUP SAYA – SAMAD



Oleh: **Encik Shahrul Effendy bin Md Saat** (fendy@mais.gov.my)
Eksekutif Perhubungan Awam & Khidmat Pelanggan, MAIS

“Kami sedar kami melakukan kesilapan besar dalam hidup hingga ‘dihukum’ di atas dunia lagi namun sedangkan Allah SWT sendiri menerima taubat hambanya, mengapa kita sebagai manusia terus-terusan hendak menghina?”

Begitulah rintihan Samad (bukan nama sebenar) yang disahkan dijangkiti kuman HIV, salah seorang (klien) yang kini membina kehidupan baharu di Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS & AADK.

Samad (bukan nama sebenar), 45 tahun pernah memberontak serta terlibat dalam masalah ketagihan dadah sejak umur 18 tahun akibat terpengaruh dengan kawan-kawan sehingga beliau menghidap penyakit HIV positif.

Ketika ditemu bual penulis, Samad yang menghuni pusat itu sejak tahun 2022 berkata, dia sering terpengaruh dengan ajakan kawan-kawan untuk melakukan perkara negatif.

“Sebelum ini, saya sering dipengaruhi kawan-kawan dan terlibat dengan masalah ketagihan dadah jenis heroin dan berkongsi jarum,” luah Samad.

Pun begitu, pemuda itu sangat bersyukur ditempatkan di Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS & AADK kerana dapat memperbaiki dirinya ke arah kebaikan. Di pusat ini, mereka diajar dengan pelbagai disiplin dan ilmu agama di samping dihantar ke hospital untuk menjalani pemeriksaan kesihatan mengikut jadual yang ditetapkan.

“Saya menjalani pemulihan di sini atas secara sukarela, dan pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Agensi Antidadah Dadah Kebangsaan (AADK) banyak bantu saya di sini,” katanya.

Cabaran Berpuasa di Bulan Ramadhan

Pejam celik, pejam celik tinggal beberapa hari lagi menuju bulan Ramadhan. Pada bulan tersebut umat Islam diwajibkan untuk berpuasa setiap hari, bermula daripada terbit matahari sehinggalah terbenamnya matahari selama sebulan.

“Walaupun kehidupan silam saya masih tersisa dalam diri ini, ia tidak menjadi penghalang untuk saya terus istiqamah dalam menjadi insan yang diredhai Allah SWT,” luah Samad.



Menurut Samad, Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS & AADK mengubah kehidupan kelamnya kepada yang lebih baik dan mula sedar bahawa hidayah itu milik Allah SWT yang dikurniakanNya kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki.

Ketika ditanya apakah cabaran berpuasa di bulan Ramadhan, Samad memberitahu sebagai pesakit HIV, beliau perlu mengikuti saranan doktor iaitu makan ubat sehari sekali pada waktu malam dan berpuasa seperti biasa pada keesokan hari.

“Tiada cabaran untuk saya berpuasa di bulan Ramadhan, saya berpuasa seperti biasa dan mengubah waktu makan ubat saya sahaja mengikut saranan doktor.

“Jika bukan bulan Ramadhan, saya makan ubat pada waktu pagi antara pukul 7.00-8.00 pagi manakala pada bulan Ramadhan, saya makan ubat awal untuk berpuasa iaitu pada waktu malam sebelum pukul 10.00 malam. Saya tenang di sini mengikuti jadual harian yang telah ditetapkan oleh MAIS. Waktu berbuka ialah waktu yang dinantikan kerana dapat berbuka puasa bersama kawan-kawan di pusat ini.

“Di sini saya belajar solat, mengaji, betulkan bacaan dalam solat dan ceramah agama daripada tenaga pengajar. Ustaz-ustaz di sini juga banyak bercerita tentang kisah-kisah Nabi yang membuatkan saya insaf dan takut untuk terus berbuat dosa.

“Walaupun kehidupan silam saya masih tersisa dalam diri ini, ia tidak menjadi penghalang untuk saya terus istiqamah dalam menjadi insan yang diredhai Allah SWT,” luah Samad.

Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dan AADK dibangunkan untuk tujuan Pemulihan, Rawatan dan Perlindungan bagi penagih dadah yang dijangkiti HIV khusus di Negeri Selangor. Pusat ini mendapat kerjasama dari pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) yang mempunyai kepakaran dalam bidang pemulihan dadah. **Edisi**



➤ Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dan AADK yang terletak di Serendah Selangor

« Samad (bukan nama sebenar) menggunakan masa terluang membaca Al-Quran di Pusat Pemulihan Baitul Islah MAIS dan AADK.

PENGAGIHAN ZAKAT MERENTASI SEMPADAN



Oleh: **Ustaz Haji Muhamad Rafee Bin Rahman** (rafee.rahman@zakatselangor.com.my)
Eksekutif Dakwah dan Perundingan, Lembaga Zakat Selangor

Zakat merupakan satu kewajipan bukan sahaja kepada individu malah juga merupakan salah satu sistem kewangan dalam masyarakat Islam yang dipantau perlaksanaannya oleh pihak pemerintah dan diuruskan secara sistematik oleh pihak dipertanggungjawabkan sama ada daripada segi kutipan mahupun agihan.

KEWAJIPAN BERZAKAT

Secara asasnya, mengeluarkan zakat merupakan rukun Islam keempat yang menjadi tonggak utama pemangkin ekonomi dan menjaga kebajikan golongan yang kurang bernasib baik. Medium zakat ini penting supaya kekayaan harta orang kaya dapat diagihkan kepada golongan yang lebih memerlukan. Berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr ayat 7:

Maksudnya: (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dalam kalangan kamu.

MENTAATI PEMERINTAH DALAM URUSAN PEMBAYARAN ZAKAT

Dari segi *siyasah syar'iyah* dan masalah, para fuqaha bersepakat bahawa ulil amri atau pemerintah mempunyai kuasa untuk mengutip zakat dan menetapkan peraturan demi menjaga kepentingan pengurusan zakat. Berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah Al-Taubah ayat 103:

Maksudnya: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Berdasarkan perkataan (حُذِّ) yang merujuk kepada maksud "ambillah" dalam ayat di atas para ulama bersepakat ia merupakan satu bentuk arahan kepada pihak pemerintah supaya bertanggungjawab menguruskan kutipan zakat ini^[3]. Menurut Imam al-Nawawi, pemerintah wajib untuk melantik amil untuk memungut zakat^[4]. Pemerintah juga hendaklah menguruskan kutipan dan agihan zakat dengan sistematik dan tersusun bagi memastikan zakat disalurkan kepada asnaf yang benar-benar layak dan memerlukan.

Hujah pembayaran zakat kepada pemerintah ini juga dikuuhkan lagi dengan hadis Rasulullah SAW yang telah melantik Muaz bin Jabal sebagai pengurus zakat di negeri Yaman di samping bertanggungjawab mengembangkan dakwah Islam kepada orang-orang di sana. Sabda Baginda SAW:

Maksudnya: Beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan solat ke atas mereka lima waktu sehari semalam. Jika mereka mematuhi perkara itu zakat ke atas mereka yang diambil daripada orang kaya lalu diagihkan-agihkan kepada orang fakir di kalangan mereka. (Riwayat Muslim)

Justeru, tindakan mengagihkan sendiri zakat tanpa melalui wakil yang dilantik pemerintah adalah melanggar undang-undang di bawah Seksyen 21, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 menyatakan:

boleh dikenakan hukuman jika sabit kesalahan. Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi

(b) enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana pihak lain yang diberi kuasa oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Tunaikanlah zakat melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS), kami memastikan setiap zakat anda disalurkan kepada lapan asnaf dengan amanah. Untuk sebarang pertanyaan, maklumat lanjut atau maklum balas berkaitan LZS, hubungi **talian zakat Selangor 1-300-88-4343**. Insya Allah, kami bersedia membantu dan menyantuni anda. **Edisi**

Nota Rujukan

Menurut Syeikh Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Abu Zuhrah, Syeikh Abdul Wahab al-Khallof dan selainnya urusan zakat harta atas semua jenis harta tanpa terkecuali perlu diserahkan kepada pemerintah untuk menjamin pengurusan zakat yang lebih sistematik.


KENALI MAIS



Oleh: **Encik Muhammad Syafiq bin Ahmad Fozi** (syafiq@mais.gov.my)
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat, MAIS



Majlis Agama Islam Negeri adalah merupakan sebuah institusi yang berautoriti dalam hal ehwal agama Islam di sesebuah negeri. Di negeri Selangor, badan yang berautoriti dalam hal ehwal agama Islam Selangor ialah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tafsiran MAIS di bawah seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003 ialah MAIS merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*).



Apa pula fungsi MAIS? Menelusuri sejarah pada awal penubuhannya, fungsi MAIS adalah menasihati DYMM Sultan Selangor sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 37, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No. 3 Tahun 1952). Walau bagaimanapun, pada tahun 2003, fungsi MAIS tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Seksyen 6 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 sebagaimana berikut:

'Majlis hendaklah membantu dan menasihati DYMM berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan Agama Islam di dalam Negeri Selangor, kecuali perkara-perkara Hukum syarak dan berhubungan dengan pentadbiran keadilan, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di dalam Negeri Selangor selepas Duli Yang Maha Mulia Sultan, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini.'

Oleh itu, berdasarkan peruntukan perundangan, MAIS ditubuhkan dalam menasihati DYMM Sultan Selangor semua perkara berhubungan dengan agama Islam di negeri Selangor. Selain itu, MAIS juga mempunyai 21 orang Anggota MAIS yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam di negeri Selangor. Tambahan, dalam memperkasakan visi dan misi MAIS, MAIS menjalankan beberapa perkhidmatan demi kemudahan dan kemaslahatan ummah khusus di negeri Selangor. Perkhidmatan yang disediakan oleh MAIS adalah seperti berikut:



Dalam menjalankan fungsi MAIS bagi memperkasakan sosial ekonomi ummah di negeri Selangor, MAIS telah menubuhkan beberapa agensi dan anak Syarikat MAIS seperti yang termaktub di bawah seksyen 8 dan 9, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) Tahun 2003. Agensi dan Anak Syarikat MAIS adalah seperti berikut:





DASHBOARD AGIHAN FIDYAH MAIS TAHUN 2024

RM 13,014,200.00

JUMLAH AGIHAN

50,054 PENERIMA



AGIHAN FIDYAH MAIS
KOTAK MAKANAN



AGIHAN FIDYAH MAIS
TUNAI




AGIHAN FIDYAH MAIS
WANG SAKU PELAJAR




EJEN DAPUR FIDYAH
MAIS

AFM: Agihan Fidyah MAIS


PERATUSAN AGIHAN BERDASARKAN JUMLAH PENERIMA




PERATUSAN AGIHAN BERDASARKAN JUMLAH BAJET



AGIHAN FIDYAH MAIS MENGIKUT BULAN (RM)



RAKAN STRATEGIK AGIHAN FIDYAH MAIS (RSAFM)



Info Lanjut:
Unit Agihan Fidyah
Sektor Pembangunan Sosial MAIS



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



maisgovmy

EDISI إحصاء MAIS

**KENALI MAIS:
KENALI MAIS**

Ms 18

www.mais.gov.my



4 FATWA DISIARKAN DALAM WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BERTARIKH 8 JANUARI 2025

1

No. Rujukan: Sel. P. U. 1., Fatwa Fahaman Dan Ajaran Risalah Bab Kesucian Oleh Wayang Hadi Kesumo Melalui Kumpulan Nur Mutiara;

No. Rujukan: Sel. P. U. 2., Fatwa Fahaman Dan Ajaran Oleh Suhaini Bin Mohammad (Ajaran Si Hulk);

2

No. Rujukan: Sel. P. U. 3., Fatwa Hukum Pembiayaan Mikro Dengan Menggunakan Dana Zakat Secara Qard;

No. Rujukan: Sel. P. U. 4., Fatwa Pengharaman Fahaman Dan Ajaran Masitah Binti Ab Jalar (Kumpulan Perjalanan Mimpi Yang Terakhir).

4

2 FATWA DISIARKAN DALAM WARTA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

BERTARIKH 20 & 21 JANUARI 2025

1

No. Rujukan: Sel. P. U. 7., Fatwa Hukum Pihak Yang Tidak Dilantik Atau Diberi Kuasa Yang Sah Membuat Kutipan Zakat Atau Mengagihkannya yang telah disiarkan pada 20 Januari 2025;

No. Rujukan: Sel. P. U. 10., Fatwa Penetapan Kadar Zakat Fitrah Negeri Selangor Bagi Tahun 1446H/2025M yang telah disiarkan pada 21 Januari 2025.

2

Rujukan lanjut: <https://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-selangor/>

Majlis Agama Islam Selangor mais_officialhq maisgovmy

www.mais.gov.my



KADAR NISAB (Januari - Jun 2025)

RM29,961.00

* (Nisab zakat berubah dua kali setahun.
Untuk mendapatkan nisab terkini,
sila layari portal LZ di <http://www.zakat.selangor.com.my>)

zakat.selangor

www.zakat.selangor.com.my



TARIKH-TARIKH PENTING KEMASUKAN PROGRAM

**19 APRIL 2025
(SABTU)**

**Program
Asasi**

SESI III 2024/2025

**13 MEI 2025
(SELASA)**

**Program
Pascasiswazah**

• Ijazah Sarjana (Penyelidikan)
• Ijazah Doktor Falsafah

**TARIKH SEDANG
DIKEMASKINI.**

**Program Diploma
& Ijazah Sarjana
Muda**

SESI II 2024/2025

**29 MEI 2025
(KHAMIS)**

**Program
Pascasiswazah**

• Ijazah Sarjana (Kerja Kursus)

Permohonan secara atas talian melalui
www.uis.edu.my

Perlukan maklumat lanjut?
Hubungi kami segera di talian

03 8911 7072/73

MOHON SEKARANG
IMBAS DI SINI

